

Disediakan untuk: _____

Tarikh cetakan pada : _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan mengambil Insurans Badan Kapal Marin. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am yang berkenaan)

Penyedia Perkhidmatan : **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")**
Kewangan
Nama Produk : **Insurans Badan Kapal Marin**

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan Kapal semasa digunakan dalam operasi perdagangan yang dipersetujui.

2. Apakah jenis perlindungan/manfaat yang disediakan?

Jenis perlindungan utama yang disediakan berdasarkan ungkapan London Institute:

(i) Institute Time Clauses – Hulls 1.10.83 menyediakan perlindungan Kerugian Separa dan Kerugian Menyeluruh ke atas kapal yang diinsuranskan.

(ii) Institute Time Clauses – Hulls – Total Loss Only 1.10.83 menyediakan perlindungan Kerugian Menyeluruh ke atas kapal yang diinsuranskan.

(a) Risiko asas yang dilindungi di bawah Institute Time Clauses adalah:

- bencana air laut, sungai, tasik atau lain-lain perairan yang dilayari
- kebakaran atau letupan
- kecurian berserta keganasan yang dilakukan oleh individu luar kapal
- pembuangan muatan
- kerosakan atau kemalangan pada alat terpasang nuklear atau reaktor
- pertembungan dengan pesawat atau objek seumpamanya, pengangkutan darat, peralatan limbungan atau pemasangan
- gempa bumi, letusan gunung berapi atau kilat

(b) Risiko yang dilindungi tertakluk kepada peruntukan usaha wajar. Kerugian atau kerosakan Kapal mestilah bukan disebabkan oleh pengabaian daripada Pihak Diinsuranskan, Pemilik atau Pengurus atas sebab:

- kemalangan semasa pemunggahan, pelepasan atau peralihan kargo atau bahan api
- dandang yang meletup, aci yang pecah atau apa-apa kecacatan pendam di dalam mesin atau badan kapal
- kecuaiian Pegawai Master, Anak Kapal atau Kapten Kapal
- kecuaiian pembaik atau penyewa kapal dengan syarat pembaik atau penyewa kapal berkenaan bukan Pihak yang Diinsuranskan
- pemfitnahan oleh Pegawai Master atau Anak Kapal

(iii) Perlindungan Tambahan boleh dilanjutkan tertakluk kepada bayaran premium tambahan:

- Risiko Perang dan Mogok tertakluk kepada Institute War and Strikes Clauses 1.10.83
- Liabiliti Perlanggaran boleh diinsuranskan untuk kadar penuh 4/4ths berbanding 3/4ths

(iv) Tempoh: Tertakluk kepada pembaharuan tahunan. Insurans Badan Kapal berkuatkuasa untuk suatu tempoh masa, iaitu selama tempoh 12 bulan.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza, bergantung kepada keperluan pengunderaitan syarikat insurans.

- ITC- Hulls _____% atau ITC-Hulls Total Loss _____%
- Berserta perlindungan tambahan : Perang dan Mogok _____% & perlindungan lanjutan lain _____%
- Jumlah kadar premium _____% pada jumlah diinsuranskan bernilai RM _____

Anggaran jumlah premium yang perlu anda bayar adalah: RM _____

4. **Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Jenis	% / Amaun
• Komisen dibayar kepada perantara insurans (jika ada)	• 15% daripada premium
• Duti setem	• RM10.00
• Cukai Perkhidmatan	• 8% daripada premium

Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

5. **Apakah terma dan syarat penting yang perlu saya ambil kira?**

- Kepentingan pendedahan

- **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika ada memohon Insurans ini secara keseluruhan bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai tanggungjawab untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan yang diperlukan oleh Syarikat dengan lengkap dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu boleh mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak, penafian atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau terma dipelbagaikan, atau penamatan kontrak.

- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon untuk Insurans ini bagi tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu yang boleh mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang boleh dikenakan dan apa-apa perkara di mana seseorang individu munasabah yang mengalami keadaan itu mungkin dijangka tahu sebagai berkaitan, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak, penafian atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau terma dipelbagaikan, atau penamatan kontrak.

Tanggungjawab pendedahan untuk Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna ini hendaklah diteruskan sehingga waktu kontrak dibuat, diubah atau diperbaharui. **Anda juga bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada kami dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan didapati tidak tepat atau telah berubah.**

- Apa-apa perubahan risiko semasa polisi berkuatkuasa mestilah dirujuk kepada syarikat insurans dengan segera untuk mengesahkan perlindungan.
- Jumlah Diinsuranskan adalah nilai pasaran semasa Kapal. Laporan penilaian mungkin akan diminta.
- Pemotongan/Lebihan adalah amaun yang akan ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan sekiranya berlaku tuntutan.
- Insurans ini tertakluk kepada Waranti Premium 60 hari, iaitu premium yang perlu dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh Syarikat Insurans dalam tempoh (60) hari dari permulaan, yang mana jika gagal, polisi akan terbatal secara automatik dan Syarikat Insurans berhak ke atas jumlah premium pro rata 60 hari.

6. **Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?**

Pengecualian di bawah Institute Time Clauses - polisi ini tidak melindungi kerugian, kerosakan, liabiliti atau perbelanjaan yang disebabkan oleh/berpunca daripada:

- Risiko Perang dan Mogok
- Tindakan berniat jahat
- Pembelahan nuklear atau seumpamanya
- Keganasan

Risiko anak kapal, kargo, penumpang, resapan marin dan liabiliti pencemaran adalah dikecualikan secara khusus.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi dengan mengemukakan notis bertulis kepada syarikat insurans. Setelah polisi dibatalkan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan jumlah bersih bulanan pro-rata untuk setiap bulan yang belum dilindungi. Tiada bayaran balik premium yang dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang apa-apa perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau perantara insurans anda atau layari www.allianz.com.my.

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Pusat Panggilan Allianz : 1 300 22 5542
Emel: customer.service@allianz.com.my
  AllianzMalaysia
 allianz.com.my

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANTARA INSURANS ANDA ATAU TERUS HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024.